

Headline	KPDNHEP Mukah sita lori, tiga dram diesel		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Feb 2020	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	11	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	266 cm ²
Journalist	HENRY B SIYU	AdValue	RM 1,583
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,749



KPDNHEP Mukah sita lori, tiga dram diesel

.....
HENRY B SIYU

MUKAH: Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah telah menyita sebuah lori dan tiga dram diesel baru-baru ini.

Menurut Ketua Cawangan KPDNHEP Mukah, Salihin Den, selain itu, mereka juga mengambil keterangan daripada pemandu lori yang ditangkap tersebut.

"Ia berlaku di sebuah stesen minyak pada hari Jumaat lalu. Jumlah minyak diesel tersebut ialah 680 liter dan kita juga menyita sebuah lori. Kita juga menahan pemandunya dan dilepaskan setelah diambil keterangan," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar yang diadakan di Pejabat KPDHEP Mukah di Pusat Pentadbiran Baru Mukah (PPBM) atau Bangunan SCORE, di sini, semalam.

Kes tersebut tambahnya adalah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabit kesalahan ia mempeyuntukkan denda tidak lebih daripada RM1 juta atau penjara tiga tahun.

"Jika membabitkan individu denda adalah tidak melebihi daripada RM1 juta atau penjara tiga tahun, atau kedua-dua sekali. Dan jika membabitkan syarikat ialah denda RM3 juta bagi



INILAH DIA... Sahlidin Den (tengah) menunjukkan dram-dram berisi diesel di atas lori, sambil disaksikan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa dari KPDNHEP Mukah di pekarangan PPBM.

kesalahan pertama, dan RM5 juta bagi kesalahan kedua," tambahnya lagi.

Katanya, untuk berbuat demikian, pemandu itu seharusnya ada permit atau surat untuk membeli luar daripada tangki lori tersebut dan ia bukan untuk tujuan komersial atau untuk dijual.

Sementara bersempena dengan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina (TBC) 2020, mereka telah merekodkan dua kes.

"Sebanyak dua tindakan kes dihasilkan atas kesalahan gagal

menggunakan tanda Harga Khas (pink plate) pada barangan terkawal SHMMP TBC 2020 iaitu bagi barangan harga terkawal bawang putih dan ayam standard dengan nilai rampanan sebanyak RM258.50 dan nilai kompaun sebanyak RM350," katanya lagi.

Salihin mendedahkan sepanjang pelaksanaan SHMMP dari 20 Januari hingga 2 Februari, mereka telah memeriksa sebanyak 335 premis meliputi pasaraya, pasar basah, pasar tani, pasar mini dan kedai runcit di sekitar Mukah, Dalat, Matu dan Daro.